

BULETIN

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN
EDISI 10 2025

F
P
N
S
3



fpnuitmn9s3



<https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3>

Cappadocia di Musim Sejuk: Dongeng Nyata dalam Percutian Keluarga

Ida Haryanti Binti Mohd Noor

Bulan Februari 2025 lalu menjadi salah satu kenangan paling berharga buat saya dan keluarga. Kami berpeluang melancong ke Cappadocia, sebuah destinasi di Turki yang terkenal dengan landskap uniknya dan tarikan belon udara panas yang mendunia. Apa yang menjadikan perjalanan ini lebih istimewa ialah suasana musim sejuk di mana salji putih yang menyelaputi bumi menjadikan Cappadocia kelihatan seperti sebuah negeri dongeng.

Tidur dalam Hotel Gua: Dari Batu ke Bilik

Sejak menjejakkan kaki di bandar kecil Göreme, kami terus terpuakau dengan keunikannya. Kami menginap di sebuah hotel gua di mana binaannya dibuat daripada batu semula jadi. Malam pertama terasa luar biasa, seolah-olah kami dibawa kembali ke zaman silam, tetapi dilengkapi dengan kemudahan yang moden dan selesa. Anak-anak paling teruja kerana pengalaman sebegini memang jarang sekali dirasakan.



“Fairy Chimneys”: Ajaibnya Alam Semula Jadi

Antara pemandangan paling ikonik di Cappadocia ialah deretan “Fairy Chimneys” yang terhasil daripada formasi batuan semula jadi yang terbentuk sejak ribuan tahun akibat hakisan angin dan air. Pada musim sejuk, ia tampak lebih menakjubkan apabila dilitupi salji putih, seolah-olah dihiasi gula aising pada kek.

Kami berpeluang menyusuri kawasan lembah yang dipenuhi batuan unik ini ketika berjalan-jalan di sekitar Göreme. Anak-anak begitu kagum melihat bentuk batuan yang pelbagai. Ada yang tinggi runcing seperti menara dan ada juga yang menyerupai rumah kecil. Tidak hairanlah Cappadocia sering digelar sebagai “dunia dongeng” kerana keindahannya yang sukar digambarkan.

Berjalan di antara “Fairy Chimneys” sambil menghirup udara dingin adalah pengalaman yang sukar dilupakan. Setiap sudutnya terasa seperti latar belakang filem fantasi dan pastinya menjadi lokasi wajib untuk bergambar kenangan bersama keluarga.

Erciyes: Syurga Salji di Kayseri

Perjalanan kami diteruskan ke Gunung Erciyes di Kayseri, kira-kira sejam setengah dari Göreme. Sepanjang perjalanan, kami disajikan dengan pemandangan desa musim sejuk yang memukau. Sebaik tiba, gunung tinggi yang diselaputi salji menyambut kedatangan kami.



Di kawasan pusat peranginan ski, suasana sungguh meriah. Ada yang meluncur laju dengan ski, ada juga yang berani mencuba papan salji, manakala sebahagian lagi memilih aktiviti santai bermain salji. Kami sendiri tidak melepaskan peluang bermain papan salji bersama anak-anak, satu pengalaman yang benar-benar menyeronokkan. Selain itu, kami membina patung salji, bermain perang salji dan merakam foto berlatar belakang gunung putih yang menakjubkan. Semua itu benar-benar menghadirkan keceriaan dan menjadi antara momen paling menghiburkan sepanjang percutian kami.

Terbang dengan Belon Udara Panas: Saat Cappadocia Menjadi Lukisan Hidup

Keesokan harinya, tibalah saat yang paling kami nantikan iaitu pengalaman menaiki belon udara panas. Seawal pagi sebelum matahari terbit, kami dibawa ke tapak pelancaran. Suasana penuh keterujaan apabila puluhan belon warna-warni mula mengembang dan perlahan-lahan naik ke udara.

Saat belon mula terangkat, rasa berdebar bercampur gembira. Namun, sebaik sahaja berada di atas, semua rasa gugup hilang diganti kekaguman. Dari udara, Cappadocia kelihatan seperti sebuah lukisan hidup – lembah, perkampungan dan barisan “Fairy Chimneys” berdiri megah, diselimuti lapisan salji nipis yang berkilauan disinari cahaya matahari pagi. Ianya benar-benar pengalaman sekali seumur hidup dengan pemandangan yang terlalu indah untuk digambarkan dengan kata-kata.



Menyusuri Pesona Göreme: Langkah Tenang Diiringi Kenangan Manis

Selain aktiviti utama, kami juga gemar berjalan kaki di sekitar Göreme. Bandar kecil ini punya daya tarikannya sendiri. Lorong-lorong tenang, kedai cenderahati berwarna-warni dan kafe kecil yang menghidangkan teh Turki panas menjadikan Göreme begitu mempesona. Berjalan tanpa tujuan tertentu pun terasa seronok, kerana setiap sudut seperti menyimpan cerita.

Ada kalanya kami berhenti sekadar menikmati bau roti bakar yang baru keluar dari ketuhar atau tersenyum melihat perbualan mesra penduduk tempatan. Anak-anak pula teruja memilih magnet dan perhiasan kecil sebagai tanda kenangan. Suasana damai bandar kecil ini benar-benar melengkapkan perjalanan musim sejuk kami, seolah-olah Cappadocia bukan hanya tempat untuk dilihat, tetapi juga untuk dirasakan dengan hati.

Kenangan yang Abadi: Cappadocia dalam Ingatan Kami

Cappadocia bukan sekadar destinasi, tetapi sebuah pengalaman hidup yang akan kami kenang selamanya. Ia adalah tentang masa yang kami habiskan bersama, tentang ketenangan malam di hotel gua yang unik, tentang gelak ketawa di salji, tentang rasa kagum ketika belon mula terbang dan tentang langkah-langkah santai menyusuri lorong Göreme yang penuh pesona. Walaupun cuaca sejuk kadang kala mencabar, kehangatan kasih sayang keluarga menjadikan semuanya indah, kerana dalam dakapan mereka terukir bahagia yang tiada bandingan.

